

Kursus Keusahawanan Untuk Pelajar

Oleh: Sahraeisya Ramli

ISNIN, 8 APRIL - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Kursus Keusahawanan bagi memberi pendedahan kepada warga UMS tentang keusahawanan.

Kursus diadakan di Kasih Sayang Resort & Spa,

Menggatal, Sabah melibatkan seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Sekolah Kejuruteraan Teknologi dan Maklumat (SKTM) dan Sekolah Sains Sosial (SSS) yang telah berlangsung selama tiga hari bermula 8 April 2013 sehingga 10 April 2013.

Kursus anjuran Jabatan Keusahawanan UMS dibawah pengelolaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama AGRO Bank, MARA dan TEKUN dan telah dirasmikan

sendiri oleh Ketua Program Keusahawanan (SPE), Mat Salleh Hj.Ayub.

“Maklumat yang disalurkan dapat saya manfaatkan ketika dalam pekerjaan kelak dan dapat memberi saya inovasi tentang bidang keusahawanan ini sekiranya saya menceburia bidang ini nanti,” kata salah Nurhazlinda Binti Ibrahim, salah seorang pelajar tahun satu SPE yang terlibat dalam Kursus ini.

Pengenalan kepada kursus ini adalah memberi pendedahan untuk menyemai semangat keusahawanan dalam kalangan

pendekatan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Kursus yang turut dihadiri oleh pegawai MARA dan TEKUN ini memberi penekanan dari segi peluang dalam perniagaan.

“Perlaksanaan kursus ini adalah untuk memberi perkhidmatan perundingan dan khidmat nasihat kepada para pelajar yang berminat untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan,”

“Selain itu, kursus ini menepati objektif kami untuk menyemai semangat keusahawanan dalam kalangan

pelajar kerana kami percaya perniagaan merupakan salah satu cara untuk mendapatkan pendapatan sekianya ada antara pelajar kita ini nanti berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan kelak,” jelas En Mat Salleh Hj.Ayub.

Turut terlibat dalam kursus ini adalah pensyarah dari SPE sendiri dan pensyarah undangan yang memberi penjelasan mengenai usahawan dan perniagaan.